



**PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM
SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) BERINSENTIF**

19 JANUARI 2024

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

1.0 TUJUAN.....	3
2.0 PENGENALAN.....	3
3.0 SYARAT PERMOHONAN	3
4.0 PROSEDUR PERMOHONAN	4
5.0 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN	5
6.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN.....	5
7.0 PELAKSANAAN PROGRAM SLDN BERINSENTIF	6
8.0 PERSIJILAN	8
9.0 PERUNTUKAN AM	8
10.0 TARIKH KUAT KUASA.....	8

1.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang prosedur permohonan pelaksanaan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif. Panduan ini hendaklah dibaca bersama panduan-panduan SLDN lain yang sedang berkuatkuasa.

2.0 PENGENALAN

Pada peringkat awal pelaksanaan SLDN iaitu bermula tahun 2005, tiada sebarang insentif dalam bentuk elaun diberikan kepada perantis atau syarikat terlibat. Sehubungan itu, bagi menggalakkan penyertaan syarikat menyertai program SLDN, Kerajaan telah memperkenalkan insentif pada tahun 2007 melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dengan kadar pembayaran elaun latihan bulanan berjumlah RM300 bagi setiap perantis yang mengikuti latihan SLDN dan syarikat yang menyertai SLDN juga diberikan insentif berdasarkan bilangan perantis yang dilatih di syarikat berkenaan dengan kadar bulanan RM200 bagi setiap perantis. Impak daripada pemberian insentif ini, penyertaan perantis dan syarikat telah meningkat dengan ketara.

Sebagai galakan dan membantu Pusat Latihan dalam melaksanakan SLDN, pada tahun 2011, Kerajaan telah memperluaskan insentif ini kepada Pusat Latihan yang melaksanakan SLDN dengan kadar bulanan RM125 bagi setiap perantis yang dilatih. Mulai tahun 2021, bagi meningkatkan lagi jumlah penyertaan perantis, Kerajaan telah meluluskan kadar baru insentif bulanan iaitu RM1000 dengan agihan RM500 kepada perantis dan RM300/ perantis kepada Pusat Latihan manakala bagi syarikat pula adalah RM200/ perantis. Sehingga kini jumlah insentif tersebut masih dikekalkan.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Syarat permohonan program SLDN Berinsentif adalah seperti berikut:
- a. Merupakan PB SLDN iaitu Pusat Latihan (PL) atau *Syarikat Inhouse (SI)* yang telah ditauliahkan untuk menjalankan program SLDN;
 - b. PL telah mempunyai syarikat kerjasama yang ditauliahkan atau PL mempunyai bukti jalinan kerjasama syarikat (komitmen) semasa permohonan dikemukakan;
 - c. Kuota yang dimohon hendaklah tidak melebihi kapasiti semasa pentauliahan;
 - d. Tempoh latihan dilaksanakan hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) hingga 16 bulan dan merujuk kepada jam latihan yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Latihan SLDN. Bulan latihan mestilah tidak melebihi Oktober 2025; dan
 - e. Mempunyai personel pentauliahan yang mencukupi.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan boleh dibuat merujuk kepada tawaran iklan melaksanakan program SLDN berinsentif yang dikeluarkan melalui sistem MySPIKE dan portal Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- 4.2 PL atau SI perlu mengemukakan permohonan kepada JPK secara dalam talian melalui sistem MySPIKE.
- 4.3 Mengemukakan maklumat perancangan latihan dan jam latihan bagi program yang dimohon seperti lampiran disertakan. Maklumat ini hendaklah dimuatnaik pada ruangan pautan yang disediakan (perancangan latihan & tempoh latihan).
- 4.4 Mengisi maklumat kekerapan pengambilan perantis yang dirancang dalam tahun semasa.

4.5 Carta Alir Permohonan Program SLDN Berinsentif adalah seperti **Lampiran 1**.

5.0 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN

5.1 Permohonan yang dikemukakan oleh PL atau SI akan disemak dan dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut :

- a. PL atau SI tidak termasuk dalam senarai yang dalam siasatan atau tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 652;
- b. PL atau SI yang pernah menjalankan program SLDN dan telah melengkapkan kajian pengesanan graduan serta mencapai *outcome* yang ditetapkan akan diberi keutamaan;
- c. Keutamaan diberikan kepada program Tahap 3 dan ke atas atau program yang dikategorikan bidang baru dan bidang berteknologi tinggi; dan
- d. Keutamaan kepada PL yang bekerjasama dengan syarikat yang patuh kepada seksyen 2 **kontrak perantisan** sebagaimana yang tertakluk kepada Akta Kerja 1955 [Akta 265] Pindaan 2022.

5.2 Jabatan berhak menetapkan apa-apa kriteria penilaian tambahan mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa sepanjang tempoh penilaian permohonan dilaksanakan.

6.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

6.1 Permohonan yang lengkap akan diproses dan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Kuota SLDN Berinsentif dan seterusnya diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Kuota SLDN Berinsentif.

- 6.2 Keputusan Jawatankuasa Agihan Kuota SLDN Berinsentif adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, PL atau SI boleh mengemukakan permohonan baharu jika masih berminat.
- 6.3 Keputusan permohonan boleh disemak melalui sistem MySPIKE dan Surat Tawaran (ST) akan dikemukakan kepada PL atau SI yang berjaya.

7.0 PELAKSANAAN PROGRAM SLDN BERINSENTIF

7.1 Pendaftaran Perantis

- a. PL atau SI yang berjaya ditawar untuk menjalankan Program SLDN Berinsentif hendaklah mendaftarkan perantis dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. **Kuota perantis yang diluluskan** : bilangan perantis yang boleh didaftarkan adalah berdasar kepada kuota perantis yang diluluskan.
 - ii. **Tempoh latihan** : Minimum dua (2) hingga 16 bulan dan penetapan tempoh jam latihan hendaklah merujuk kepada Panduan Pelaksanaan SLDN yang sedang berkuat kuasa. Bulan latihan mestilah tidak melebihi Oktober 2025
- b. PL atau SI boleh membuat pengambilan perantis lebih daripada sekali tetapi tertakluk kepada kuota yang ditawarkan, baki peruntukan dan tarikh akhir latihan perlu ditamatkan. Maklumat kekerapan pengambilan dan jumlah kuota perantis dimohon hendaklah dinyatakan semasa mengemukakan permohonan melalui sistem MySpike. Pendaftaran perantis adalah berdasarkan konsep yang awal diutamakan (*first come, first serve*). PL atau SI yang mendaftarkan perantis lebih awal diberi keutamaan bagi peruntukan yang tersedia.

- c. PL atau SI hendaklah mendaftarkan perantis kepada JPK dalam tempoh **30 hari** dari tarikh mula latihan.
- d. PL atau SI boleh menunda tarikh mula latihan maksimum 3 bulan dari tarikh mula asal permohonan dalam sistem. Tawaran kuota boleh dibatalkan sekiranya tiada pendaftaran dibuat dalam tempoh 3 bulan.

7.2 Kriteria Perantis

- a. Kriteria perantis untuk penyertaan program SLDN Berinsentif adalah seperti berikut:
 - i. Merupakan pencari kerja yang berminat untuk mengikuti program peningkatan kemahiran atau latihan semula;
 - ii. Merupakan warganegara Malaysia;
 - iii. Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun semasa pendaftaran (kiraan umur berdasarkan kepada tahun lahir);
 - iv. Sekurang-kurangnya boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
 - v. Perantis yang didaftarkan bukan individu dari kalangan personel SLDN atau Penyelaras PL atau SI yang terlibat secara langsung bagi program tersebut; dan
 - vi. Perantis hendaklah mengikuti latihan secara sepenuh masa.
 - vii. Tidak memiliki SKM/DKM/DLKM/PC pada program yang didaftarkan.

7.3 Pelaksanaan Latihan

- a. Pelaksanaan program latihan perlu merujuk kepada syarat dan kategori program yang dinyatakan dalam Surat Tawaran (ST).
- b. PL atau SI yang diluluskan hendaklah memastikan latihan dilaksanakan merujuk kepada panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

7.4 Pembayaran Insentif

- a. PL atau SI yang berjaya ditawarkan program SLDN Berinsentif layak dibayar insentif sebanyak RM1,000 sebulan bagi setiap perantis bermula dari tarikh mula hingga tamat latihan. Kadar elauan dan insentif yang layak diterima adalah seperti butiran berikut:
 - i. Elauan bulanan perantis – RM500;
 - ii. Insentif bulanan PL atau SI – RM300 bagi setiap perantis yang dilatih; dan
 - iii. Insentif bulanan Syarikat – RM200 bagi setiap perantis yang dilatih.
- b. Kaedah pembayaran
 - i. Pembayaran insentif perantis, PL dan SI akan dibayar ke akaun PL atau SI dan agihan elauan perantis dan insentif syarikat perlu dilaksanakan oleh PL.
 - ii. Terma pembayaran adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Terma Pembayaran Insentif

TEMPOH LATIHAN	TERMA PEMBAYARAN	DOKUMEN SOKONGAN
2-3 bulan	Selepas tamat latihan	Surat Tawaran & Surat Setuju Terima
4 / 6 / 8/10 bulan dan seterusnya	Setiap 2 bulan	Surat Tawaran & Surat Setuju Terima
5 / 7 / 9 bulan – dan seterusnya	Setiap 2 bulan & tamat latihan	- pembayaran pertama Kontrak – pembayaran kedua (kecuali PB SLDN Awam)

- iii. Tuntutan insentif hendaklah merujuk kepada Panduan Tuntutan Insentif Program SLDN Berinsentif yang sedang berkuatkuasa.

- iv. Setiap PL atau SI adalah tertakluk kepada perjanjian yang dimeterai.

8.0 PERSIJILAN

Perantis yang terampil akan dianugerahkan dengan Persijilan Modular (PC), Persijilan penuh iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) pada tahap berkenaan.

9.0 PERUNTUKAN AM

JPK berhak untuk menangguhkan, menamatkan, membatalkan atau menarik balik kelulusan program pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian atau berlaku sebarang pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan.

10.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa mulai 19 Januari 2024.

Carta Alir Pelaksanaan Program SLDN Berinsentif

